



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Telefon: 203722
Kawat : PERDANA

Ruj. Kami: PM(R) 10063 Jld. X

Tarikh: 5 Disember 1981

SURAT PEKELILING AM BIL. 12 TAHUN 1981

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua-Ketua Badan Berkanun.

BIDANGTUGAS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA DAN LUAR BANDAR

Perhatian tuan adalah ditarik kepada Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1981 mengenai pengwujudan semula Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar berikutan dengan rombakan Jumaah Menteri pada 16 Julai yang lalu.

2. Selepas dikeluarkan surat pekeling tersebut ada beberapa perubahan yang telah dibuat kepada bidangtugas Kementerian itu seperti di bawah ini:-

(a) Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Unit ini yang dahulunya dicantumkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah diwujudkan semula mulai 10 Ogos 1981 dan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Berikutan dengan perubahan ini maka Perbadanan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC), Akademi Laut, Bahagian Kemajuan Petroleum, Pejabat-pejabat Pegawai Kemajuan Negeri dan Pusat Penyelarasan Perkhidmatan Kontraktor-kontraktor Bumiputra (PESAKABUMI) diletakkan semula di bawah pengawasan Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

(b) MARA dan Perbadanan Kraftangan Malaysia

Kedua-dua perbadanan ini telah dipindahkan daripada Kementerian Perusahaan Awam kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 15 Ogos 1981.

3. Hasil dari penyusunan semula seperti yang disebutkan di atas maka bidang tugas Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar meliputi Jabatan-jabatan dan Perbadanan-perbadanan yang berikut:-

- (i) Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- (ii) Perbadanan Kraftangan Malaysia
- (iii) Jabatan Pembangunan Koperasi
- (iv) Bank Rakyat
- (v) Maktab Kerjasama
- (vi) Bekalan Air Luar Bandar
- (vii) Bekalan Letrik Luar Bandar
- (viii) Rancangan Penempatan Semula Mangsa-mangsa Banjir
- (ix) Pembangunan Jalan-jalan Luar Bandar dan Jalan-jalan Kampung
- (x) Pembangunan industri-industri Kecil Luar Bandar
- (xi) Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

4. Dengan ini, Surat Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1981 adalah dibatalkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Hashim

(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.